

CNS0651
U GB 10-07 00153 BC116
aab

Mahathir - Insentif

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menumpukan pemberian insentif dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) kepada pelabur asing yang menggunakan teknologi sofistikated dan industri yang menggunakan modal yang besar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, insentif yang diberi tidak lagi akan tertumpu kepada industri bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti dalam Rancangan Malaysia sebelum ini.

Perubahan tumpuan itu adalah kerana pada masa sekarang negara menghadapi kekurangan pekerja, katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen, hari ini selepas membentangkan usul Rancangan Malaysia Keenam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji bentuk insentif yang boleh menarik pelaburan yang menumpukan kepada modal insentif dan industri teknologi tinggi.

+Dahulu kita ada keutamaan-keutamaan tertentu (kerana) dahulu pelaburan tidak begitu banyak, dan dengan itu kita harus adakan insentif yang mudah menarik (pelabur) iaitu dengan mengecualikan cukai,+ katanya. -- Lagi

♥10/07/20-00MST

CNS0666
U GB 10-07 00172 BC117
aab

Mahathir - Insentif 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada perubahan tumpuan dalam pemberian insentif itu akan mengganggu pengaliran masuk pelaburan asing sekarang, Perdana Menteri berkata, +kita dapati di negara-negara lain ada juga insentif yang kurang daripada kita tetapi dapat menarik pelaburan.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mesti menyediakan infrastruktur setiap kali pelabur asing melabur di negara ini, dengan kira-kira 10 peratus daripada nilai pelaburan adalah bagi pembinaan infrastruktur oleh kerajaan.

+Jadi kalau kerajaan memberi insentif yang hanya berbentuk pengecualian cukai, maka kerajaan tidak akan mempunyai wang yang cukup untuk membiayai pembangunan infrastruktur...sebab itu kita harus fikir tentang insentif dalam bentuk lain,+ katanya.

Mengenai levi yang akan dikenakan terhadap pekerja asing, Perdana Menteri berkata, ianya tidak tinggi dan mampu dibayar oleh mereka.

+Levi itu hanya untuk membiayai segala kemudahan yang digunakan oleh pekerja asing termasuk rawatan hospital dan jalan raya. Semua ini digunakan oleh rakyat asing...jadi eloklah kalau mereka menyumbang kepada cukai dan pendapatan kerajaan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, levi tidak dikenakan terhadap majikan tetapi hanya terhadap pekerja asing kerana sekiranya majikan yang membayar levi bermakna pekerja asing memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada pekerja tempatan yang dibayar gaji yang sama dengan pekerja asing itu.

+Sementara kita sanggup mengadakan segala kemudahan kepada rakyat kita, kemudahan yang sama kalau kita beri kepada rakyat asing bermakna kita membiayai rakyat asing.

+Oleh itu, eloklah kalau mereka yang datang bekerja di sini dikehendaki membayar levi,+ katanya. -- Bernama

♥10/07/20-34MST